



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
(*Accountant General's Department of Malaysia*)
BAHAGIAN PENGURUSAN WANG TAK DITUNTUT
PEJABAT PENDAFTAR WANG TAK DITUNTUT
TINGKAT 42, MENARA MAYBANK
100, JALAN TUN PERAK
50050 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-20568000
Faks : 03-20725707 (OPERASI)
Web : 03-20267430 (PEMATUHAN)
<http://www.anm.gov.my>

Ruj. Kami : JANM.BWTD.500-3/5/4 Jld.3 (25)
Tarikh : 5 Disember 2018

Seperti di lampiran

Tuan/Puan,

**IKLAN JAWATAN KOSONG PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) BAGI JAWATAN
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F41 DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA**

Permohonan dipelawa kepada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong berikut di Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

1. (a) **JAWATAN** : Pegawai Teknologi Maklumat Gred Setara F41
- (b) **TARAF JAWATAN** : Pekerja Sambilan Harian
- (c) **AGENSI** : Jabatan Akauntan Negara Malaysia
- (d) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Pengurusan
- (e) **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : Perkhidmatan Profesional
- (f) **TEMPAT KEKOSONGAN** : Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut, JANM, Menara Maybank, Kuala Lumpur.
2. **KADAR UPAH PEKERJA SAMBILAN HARIAN** : RM100.00 sehari
3. **SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) warganegara Malaysia ;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

- (c) (i) Ijazah dalam bidang sains komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (ii) Lulus Bahasa Malaysia (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- 4. CARA MEMOHON :**
- (a) Permohonan hendaklah menggunakan borang khas JANM(K) 1/2008 yang boleh diperolehi di Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
 - (b) Isi borang JANM(K) 1/2008 dengan lengkap setelah meneliti panduan dalam borang berkenaan. Permohonan yang menggunakan borang selain dari JANM(K) 1/2008 akan ditolak.
 - (c) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil persekolahan, salinan kad pengenalan dan lain-lain dokumen berkaitan, yang telah disahkan.

Permohonan berikut AKAN DITOLAK :

- (i) tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan;
- (ii) tidak lengkap atau tidak terang;
- (iii) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
- (iv) tidak ditulis nombor kad pengenalan;
- (v) tidak diturunkan tanda tangan.

5. ALAMAT PERMOHONAN : Borang permohonan yang lengkap dihantar ke alamat :

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut,
Tingkat 42, Menara Maybank,
100 Jalan Tun Perak,
50050 KUALA LUMPUR


6. TARIKH TUTUP : **18 Disember 2018**

7. CATATAN AM : (i) Hanya calon-calon yang layak berdasarkan asas tapisan yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia sahaja dipanggil temuduga.
(ii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas ***enam (6) bulan*** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
(iii) Jabatan ini tidak akan menanggung perbelanjaan bagi menghadiri temuduga kelak.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"


(MURNIYATI BINTI RAMLI C.A.M))

Timbalan Pengarah (Pematuhan)
Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut
b.p. Akauntan Negara Malaysia.